

ADAT BERKHATAN DAN BERKHATAN SATU KAJIAN  
KES DI PASIR PUTIH KELANTAN

WAN MAHMOOD W.DERAMAN

JABATAN PERSURATAN MELAYU UNIVERSITI  
KEBANGSAAN MALAYSIA BANGI SELANGOR

1977-78

ADAT BERKHATAM DAN BERKHATAN  
SATU KAJIAN KES  
DI PASIR PUTIH KELANTAN

WAN MAHMOOD W. DERAMAN

JADATAN PERSURATAN MELAYU  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
BANGI SELANGOR  
1977-78

Bab I

Tujuan dan Bidang Kajian

A- Pendahuluan

Kelantan adalah sebuah negeri yang kaya dengan hasil seni dan budaya Melayu. Apabila disebut negeri Kelantan tergambarlah kesenian-kesenian Melayu tradisi seperti Makyong, Dikir barat, Selampit dan Menora. Lantaran itu kajian-kajian dimasa lalu lebih banyak dilakukan kearah kesenian sahaja. Tetapi ditahun-tahun kebelakangan ini telah ada kesedaran untuk membuat kajian pada aspek budaya Melayu yang bercorak amalan dan adat istiadat. Namun begitu usaha-usaha tersebut hanya dapat kita katakan pada peringkat awal sahaja. Oleh sebab itu amat kurang sekali kajian dilakukan yang bercorak institusi dan organisasi untuk dibu-kukan sebagai bahan-bahan rujukan.

Adat-adat yang selalu dan pernah kita ketahui yang terdapat dalam masyarakat Melayu Kelantan, termasuklah Adat Bercukur, Adat Memijak Tanah, Adat Melenggang Perut, Adat Perkahwinan dan sebagainya.

Lahirnya kesedaran kurangnya kajian-kajian yang bercorak adat inilah, maka pengkaji mengambil dayansaha membuat kajian mengenai 'Adat Berkhatam dan Berkhatan' sebagai satu 'kajian kes', di Pasir Puteh.

Adat merupakan salah satu dari cabang pengertian budaya, yang kita akan bincangkan pada bab yang kemudian. Dengan itu Adat Berkhatam dan berkhatan adalah merupakan salah satu dari ciri-ciri budaya Melayu, yang terdapat di Kelantan.

Adat Berkhatam, merupakan amalan orang-orang Melayu, yang beragama Islam. Adat Berkhatam<sup>1</sup> ini dijalankan bagi menandakan anak-anak telah tamat mengaji atau membaca Al-Quran 30 juzu'. Amalan berkhatam Al-Quran ini dilaksanakan bertujuan untuk menunjukkan rasa bangga ibubapa terhadap kecerdikan dan kepandaian anak-anak mereka menghabiskan Al-Quran. Rasa bangga ini ditunjukkan kepada masyarakat melalui upacara berkhatam Al-Quran, terutama pada hari perkahwinan anak-anak perempuan mereka.

Adat Berkhatan pula berbeza dengan Adat Berkhatam. Adat Berkhatan<sup>2</sup> dilakukan untuk membolehkan kanak-kanak lelaki memasuki alam remaja dan dewasa, sebagai satu pusingan hidup orang Melayu. Adat ini juga dijalankan dikalangan masyarakat Melayu untuk membezakan antara orang-orang Islam dengan orang-orang bukan Islam. Cara berkhatan dikalangan masyarakat Melayu, khususnya di Pasir Putih, masih lagi dijalankan secara tradisi, walaupun telah wujud perubahan moden. Dengan itu masyarakat Melayu masih lagi memandang pentingnya tugas yang dijalankan oleh mudin.

- 
1. Istilah berkhatam di Kelantan jarang digunakan, mereka gemar menggunakan istilah 'Menamat Quran'.
  2. Berkhatan dalam bahasa Arab disebut 'khitan'. Bagi orang Melayu Kelantan menyebut 'Bersunat'.

Kedua-dua adat tersebut bukan lagi perkara baru dalam masyarakat Kelantan. Adat-adat ini mula dikenali sejak Islam berkembang di Kepulauan Melayu. Di Tanah Melayu amalan ini dijalankan bermula dari Islam berkembang di Melaka pada kira-kira abad yang kelima belas.

Namun begitu amat kurang sekali orang-orang Melayu yang betul-betul mengetahui asal usul adat-adat tersebut. Malah dalam upacara-upacara berkhatam dan berkhazanah telah pula dicampuradukan dengan ciri-ciri Hindu, disamping ciri-ciri keislaman

#### B- Tujuan Kajian

Kajian ini dilakukan mempunyai tujuan-tujuan seperti berikut:

1. Kajian ini yang bercorak Latihan Ilmiah dikemukakan bagi memenuhi syarat Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, bagi Ijazah Sarjana Muda Sastera dengan kepujian.

2. Kajian ini dibuat untuk menimbulkan kembali tradisi adat Melayu dalam bentuk tulisan, agar menjadi warisan dan kenangan untuk jenerasi akan datang. Ini disebabkan adat-adat tersebut tidak lagi banyak diamalkan oleh masyarakat Melayu Kelantan, amnya dan masyarakat Melayu Pasir Putih khususnya.

3. Kajian ini juga ditumpukan untuk mengetahui asal usul adat-adat tersebut. Juga melihat apakah upacara yang ada dalam adat-adat itu ciptaan masyarakat Pasir Puteh. Jika tidak dari manakah amalan dan upacara itu, serta apakah dorongan-dorongan yang menjadikan masyarakat Pasir Puteh mengamalkan adat-adat tersebut.

4. Kajian yang berbentuk iliah ini juga bertujuan untuk melihat kemunculan adat ini di Kelantan dan di Pasir Puteh khususnya. Juga apakah kedua-duanya mempunyai pertalian dalam amalan setempat.

5. Mengikut Ralph Linton, bahawa tiap-tiap unsur-unsur budaya itu mempunyai fungsi dan erti pada sesuatu atau sesebuah masyarakat.<sup>1</sup> Jadi kajian mengenai Adat Berkhatam dan Berkhatan ini untuk melihat tentang fungsi dalam masyarakat sebagai salah satu dari unsur budaya Melayu. Selain dari itu, kajian ini bertujuan untuk melihat pandangan dan sikap masyarakat Pasir Puteh terhadap adat-adat tersebut.

6. Masyarakat Melayu memandang Adat Berkhatam dan Berkhatan itu, merupakan amalan tradisi yang bercorak Islam, ini dapat dilihat pada amalan-amalan orang-orang Islam yang terdahulu. Sejauhmana kenyataan kedua-dua adat itu bercorak budaya Islam akan kita tentukan kemudian. Kajian ini juga melihat sejauhmana ciri-ciri Hindu terdapat dalam amalan Adat Berkhatam dan Berkhatan dalam masyarakat Pasir Puteh.

---

1. Lihat Prof. Dr. Koetjaningrat, Pengantar Antropologi, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1970, hal. 69.

7. Akhirnya kajian ini bertujuan untuk melihat sejauhmana pengaruh sains dan teknologi telah mengubah corak amalan adat-adat tersebut di Pasir Puteh.

### C- Bidang Kajian

Kajian terhadap Adat Berkhatam dan Berkhatan ini meliputi aspek-aspek yang berkaitan dengan adat-adat tersebut. Antara bidang kajian adalah seperti berikut:

- i. Asal usul adat-adat tersebut.
- ii. Kepentingan kedua-dua adat itu pada masyarakat Melayu.
- iii. Alat-alat yang digunakan dalam upacara-upacara adat-adat itu, serta bagaimana pula upacara itu dijalankan oleh masyarakat Pasir Puteh.
- iv. Pengertian Adat Berkhatan dan Berkhatam.
- v. Kedudukan dan perubahan amalan adat-adat itu sejak dahulu hingga sekarang di Pasir Puteh.

Bidang kajian ini hanya bercorak 'Micro', iaitu sebagai satu kajian kes, di jajahan Pasir Puteh.

Pada keseluruhan kajian yang bercorak Latihan Ilmiah ini dibahagikan kepada empat bab.

Bab I, mengenai pendahuluan yang membicarakan mengapa tajuk itu dipilih, tujuan kajian, bidang kajian, metod kajian serta masalah yang didapati semasa kajian dilakukan. Pada bahagian latar belakang Pasir Puteh, antara perkara yang dibicarakan ialah kedudukan Pasir Puteh segi Ilmu Alam dan Sejarah, penduduk dan pekerjaan, ugama, ekonomi dan sosial.

Bab II, membicarakan tentang konsep dan tiori. Didalamnya termasuklah pengertian budaya oleh beberapa orang antropologis, sosiologis. Konsep institusi dan organisasi. Kepentingan institusi Adat Berkhatam dan Berkhatan dalam masyarakat Melayu sebagai salah satu aspek budaya. Pengertian berkhatam dan berkhatan, akhirnya mengenai asal usul institusi berkhatam dan berkhatan.

Bab III, dibincangkan mengenai upacara-upacara yang dijalankan oleh masyarakat Melayu Pasir Puteh bagi Adat Berkhatam dan Berkhatan. Juga diterangkan alat-alat yang digunakan untuk kedua-dua adat tersebut semasa upacara dilakukan.

Bab IV, perbincangan ditumpukan pada kedudukan institusi berkhatam dan berkhatan dalam masyarakat Pasir Puteh, iaitu dahulu dan sekarang. Perkara yang terkandung didalamnya termasuklah pandangan masyarakat terhadap kedua-dua adat itu, serta perubahan yang berlaku akibat pengaruh moden.



## D- Metod Kajian

### 1. Penyelidikan

Pada peringkat awal pengkaji hanya menumpukan pada kajian penyelidikan di perpustakaan Universiti Kebangsaan, Universiti Malaya dan Dewan Bahasa dan Pustaka. Disamping itu pengkaji juga menggunakan pengalaman sendiri.

### 2. Temuduga

Pengkaji terpaksa lebih banyak menggunakan bahan-bahan temuduga dari penduduk Pasir Puteh, terutama mengenai upacara-upacara yang dijalankan bagi adat-adat itu. Temuduga ini terpaksa dilakukan memandangkan masa ini amat kurang bahan-bahan yang bertulis mengenai adat-adat itu. Soalan-soalan yang hendak dikemukakan kepada 'respondence' disusun terlebih dahulu untuk menyenangkan pengkaji mendapat bahan-bahan yang berkaitan.

### 3. Pemerhatian

Kaedah pemerhatian atau 'participant-observation' perlu digunakan oleh pengkaji untuk melihat dengan teliti sesuatu upacara itu. Disamping itu melalui pemerhatian juga pengkaji mengambil gambar-gambar yang berkaitan.

E- Masalah semasa Kajian

1. Masalah yang pertama dihadapi, adalah amat sukar untuk mendapatkan orang-orang yang benar-benar mengetahui tentang adat-adat itu. Sepanjang perbualan pengkaji dengan tok guru Al-Quran, kebanyakan mereka tidak mengetahui asal usul Adat Berkhatam. Walaupun begitu hal ini dapat diatasi dengan bantuan guru-guru pondok, alim ulama dan mereka yang mahir tentang ugama Islam.

Perak.

2. Mengenai upacara Adat Berkhatan, tidak banyak tok mudin yang didapati di Pasir Puteh, kecuali tiga orang sahaja. Jadi pengkaji terpaksa lebih banyak menggunakan bahan-bahan dari tok mudin tersebut ditambah dengan pandangan masyarakat tempatan.

Kelantan

3. Pengkaji juga menghadapi masalah kesuntukan masa untuk membuat kajian. Memandangkan Latihan Ilmiah ini dibuat dimasa pengajian Universiti, maka masa untuk mencari bahan-bahan kajian hanya dilakukan pada cuti sessi sahaja.

4. Masalah juga dihadapi untuk mengambil gambar-gambar upacara berkhatan dan berkhatam secara tradisional. Ini disebabkan amat kurang orang-orang Pasir Puteh mengamalkan adat tersebut secara tradisi. Walaupun begitu pengkaji akan berusaha mendapatkan gambar-gambar upacara tersebut yang dilakukan dimasa ini.

F- Latar Belakang jajahan Pasir Puteh

a- Kedudukan Pasir Puteh

Kelantan ialah sebuah negeri yang terletak di timurlaut Semenanjung Tanah Melayu. Negeri ini bersempadan dengan negara Thai di sebelah baratlaut, diselatan pula bersempadan dengan negeri Pahang, ditimur bersempadan dengan Trengganu dan di barat pula terletak negeri Perak.

Kedudukan Kelantan pada garis lintang 4 darjah 30 minit hingga 6 darjah 15 minit utara dengan garis bujur 101 darjah 15 minit hingga 102 darjah 15 minit timur. Luasnya kira-kira 5,713 batu persegi dengan jumlah penduduk 714,943 orang, pada tahun 1971. Kelantan mempunyai lapan jajahan<sup>1</sup> dengan Kota Bharu sebagai ibu negeri.

Pasir Puteh adalah salah satu dari jajahan di negeri Kelantan, yang terletak kira-kira 26 batu ke selatan Kota Bharu. Ianya terletak diantara perjalanan Kota Bharu Kelantan dengan bandar Jerneh Trengganu.<sup>2</sup> Perhubungan utama bandar Pasir Puteh dengan bandar-bandar lain di Kelantan adalah melalui jalanraya.

- 
1. Istilah jajahan di Kelantan bersamaan dengan daerah atau 'district' di negeri-negeri lain di Semenanjung Tanah Melayu.
  2. Lihat Nik Khatijah bt. N. Man, Peranan penjual-penjual wanita dipasar Pasir Puteh, Kelantan, Latihan Ilmiah, B.A., Jabatan Sosiologi, U.K.M., sesi 1974/75, hal. 24.

Kedudukan Pasir Puteh, pada garis lintang 5 darjah 50minit utara dengan garis bujur 102 darjah 25minit timur. <sup>1</sup> Luasnya 177.21 batu persegi. <sup>2</sup> Jajahan Pasir Puteh mengandungi lapan daerah dengan 33 mukim. <sup>3</sup> Daerah-daerah yang termasuk dalam jajahan Pasir Puteh, ialah Bukit Jawa, Bukit Abal, Bukit Awang, Semerak, Batu Sebutir, Gong Datok, Limbongan dan Jeram.


Pusat pentadbiran jajahan ini terletak dibandar Pasir Puteh dalam daerah Limbongan. Luas bandar Pasir Puteh kira-kira 75 batu persegi. Pentadbiran jajahan keseluruhannya dibawah pejabat jajahan yang diketuai oleh seorang ketua jajahan. Ketua jajahan bertanggungjawab mengawasi penggawa-pengggawa dilaman daerah. Tiap-tiap penggawa pula mengawasi penghulu-penghulu mukim. Jadi corak atau bentuk pentadbiran saling berkaitan antara satu sama lain.

Pentadbiran bandar pula dibawah Lembaga Bandaran Pasir Puteh, kecuali soal-soal jenayah dan tanah. Namun begitu Lembaga Bandaran masih lagi dibawah jagaan pejabat jajahan Pasir Puteh. <sup>4</sup> Kemunculan Pasir Puteh dari segi sejarah bermula pada awal abad kedua puluh, beberapa tahun sebelum penyerahan Kelantan oleh Siam kepada penjajah Inggeris. <sup>5</sup>

- 
1. Lihat Harold Fullard, Atlas Malaysia peringkat tinggi, George Philip and son Ltd, London, 1965, hal. vii.
  2. Lihat M.V. Del Tufo, A report on the 1947, census population, Water Low and sons Ltd, London, 1949, hal. 137.
  3. Sumber: Jabatan Perangkaan Kelantan, Kota Bharu. Pada 4hb. Julai 1977
  4. Lihat Nik Khatijah bt. Nik Man, op. cit. hal. 25.
  5. Lihat Roff W.R., Kelantan: Religion, society and politic in Malay state, Oxford Universiti press, Kuala Lumpur, 1974, hal. 62.

Rajah I

Susunan Pentadbiran Lembaga Bandaran  
Pasir Puteh, Kelantan



Sumber: Lembaga Bandaran Pasir Puteh

Pembukaan Pasir Puteh sebagai pusat pentadbiran jajahan bermula pada 1904. Semasa penyerahan Kelantan dari tangan Siam kepada pemerintahan Inggeris 1909, Pasir Puteh ditadbirkan secara langsung oleh Inggeris berpusat di Kota Bharu.

Ketua jajahan yang pertama dilantik pada tahun 1914 iaitu Che Salleh, setahun kemudian diganti oleh Che Latiff. <sup>1</sup>

---

1. Lihat Nik Anuar bin Nik Mahmud, Sejarah Jeram dan Kebangkitan Tok Janggut 1915, Latihan Ilmiah, B.A. Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1975, hal.34. Lihat juga Saad Shukri, Detik-detik Sejarah Kelantan, Pustaka Aman press, Kota Bharu, 1971, hal.116.

Pasir Puteh dari segi iklim, menerima angin timur-laut yang membawa hujan lebat pada penghujung tahun. Purata hujan tahunan 8.96 inci pada tahun 1970 dan 6.73 inci pada tahun 1971.

Mengikut data hujan setengah tahun 1970 dan 1971 adalah seperti berikut. <sup>1</sup>

Rajah II

<u>Bulan</u>	<u>1970</u>	<u>1971</u>
Julai	7.13 inci	4.30 inci
Ogos	10.62	5.50 -
September	10.59	11.48 -
Oktober	9.91	9.15 -
November	9.87	27.85 -
Desember	<u>22.31</u>	<u>25.37</u> -
Jumlah:	<u>70.43</u> inci	<u>83.65</u> inci

b- Penduduk

1. Jumlah penduduk

Penduduk Pasir Puteh terdiri dari berbagai kaum, iaitu Melayu, Cina, India dan lain-lain kaum. Namun sebahagian besar penduduknya orang-orang Melayu. Mengikut banci 1931 jumlah semua penduduk Pasir Puteh 40,172 orang.

---

1. Sumber: Laporan setengah tahun Julai-Desember 1971, Jabatan Pertanian Kelantan, Kota Bharu, 1971, hal.2.

Dari jumlah itu 39,035 orang Melayu iaitu 97.2 peratus, 95 orang India bersamaan 0.2 peratus, 501 orang iaitu 1.2 peratus adalah lain-lain kaum, serta 541 orang Cina bersamaan 1.3 peratus. <sup>1</sup> Menurut banci 1957 terdapat 53,866 orang penduduk di Pasir Puteh. Mengikut kiraan peratus 96.9 peratus Melayu, 1.9 peratus Cina, 0.2 peratus India dan 1 peratus lain-lain kaum. <sup>2</sup>

3,655 orang Jumlah penduduk mengikut komposisi kaum di daerah, 1970. <sup>3</sup>

Rajah III

<u>Daerah</u>	<u>Melayu</u>	<u>Cina</u>	<u>India</u>	<u>Lain-lain</u>	<u>Jumlah</u>
Batu Sebutir	7901	13	-	60	7974
Bukit Abal	7979	38	2	41	8060
Bukit Awang	5861	-	-	17	5878
Bukit Jawa	13665	128	6	8	13807
Gong Datok	6400	10	-	96	6506
Semerak	11414	52	1	380	11847
Jeram	6126	29	-	-	6155
Limbongan	<u>10137</u>	<u>706</u>	<u>19</u>	<u>49</u>	<u>10911</u>
Jumlah:	<u>69483</u>	<u>976</u>	<u>28</u>	<u>651</u>	<u>71138</u>

1. Lihat Lampiran 1, buat perbandingan dengan tahun 1947. Lihat juga lampiran 2, bagi menentukan jumlah penduduk mengikut jantina bagi tiap-tiap kaum.
2. Lihat Lampiran 3.
3. Sumber: Jabatan Perangkaan Kelantan, Kota Bharu. Pada 4hb. Julai 1977. Lihat juga lampiran 4, bagi menentukan jumlah penduduk tiap-tiap mukim.

Pertambahan penduduk dari masa kemasa makin jelas ditahun-tahun 1970 han. Ini disebabkan kurangnya kematian dan naiknya kadar kelahiran. Semua itu berpunca dari bertambahnya kemudahan perubatan moden di Pasir Puteh. Pada tahun 1970, jumlah penduduk 71,138 orang iaitu 69,483 orang Melayu, 976 orang Cina, 651 orang lain-lain kaum dan 28 orang kaum India. <sup>1</sup>

Penduduk bandar Pasir Puteh dimasa yang sama berjumlah 3,655 orang. Dari jumlah itu, 3,615 orang Melayu, 27 orang Cina, 15 orang India dan 8 orang kaum lain.

## ii. Pekerjaan Penduduk

### 1. Pekerja Pertanian

Penduduk Pasir Puteh kebanyakannya bekerja dibidang pertanian, samada pertanian getah, padi, tembakau dan sebagainya. Di-jajahan Pasir Puteh terdapat 55,205 orang bekerja dibidang pertanian, dari jumlah itu 11,041 orang bekerja sebagai petani menurut banci pada tahun 1970. <sup>2</sup> Pekerjaan lain termasuklah sebagai penoreh getah, pekebun kecil serta penanam sayur.

- 
1. Sumber: Laporan banci penduduk dan perumahan Malaysia 1970, Jabatan Perangkaan Malaysia, Kuala Lumpur, 1972, hal. 145-148.
  2. Sumber: Jabatan Pertanian Kelantan, Kota Bharu. Pada 4hb. Julai 1977.



Dibidang pertanian tembakau,terdapat 11,642 orang pekerja pada tahun 1976 dan 8,289 orang pada tahun 1977.<sup>1</sup> Pekerjaan dibidang ini bukanlah sepenuh masa,melainkan hanya bekerja sebagai sambilan bagi memenuhi masa selepas menuai padi.

## 2. Nelayan

Pekerja dibidang nelayan hanya terdapat ditepi-tepi pantai dan mendiami kampung-kampung yang berhampiran dengan laut.Di jajahan Pasir Putih pekerjaan sebagai nelayan hanya terdapat di daerah Semerak.Pada kebiasaannya nelayan-nelayan tidak mempunyai tanah,jadi mata pencarian mereka hanya bergantung pada hasil tangkapan ikan sahaja.

Kebanyakan dari nelayan-nelayan di Semerak masih lagi menggunakan teknik tradisional dalam menangkap ikan.Teknik-teknik moden tidak banyak mempengaruhi mereka,kerana masalah kemiskinan dan penindasan 'kaum tengah',ini membuatkan mereka ketinggalan buat beberapa lama. Dimasa sekarang telah ada usaha kerajaan melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia untuk memberi pertolongan kepada kaum nelayan.Lembaga Kemajuan Ikan telah berusaha memberi bantuan kredit,bagi tujuan memodenkan alat-alat tangkapan ikan.Selain dari itu terdapat juga usaha pemasaran,penubuhan persatuan-persatuan nelayan dan mendirikan pengkalan nelayan.

---

1. Sumber: Lembaga Tembakau Negara,cawangan Kelantan, Kota Bharu. Pada 4hb.Julai 1977.